



Daftar Pemilih Tambahan November 2022 dibuka untuk semakan - SPR

Januari 6, 2023 @ 5:33pm

KUALA LUMPUR: Daftar Pemilih Tambahan Bulan November Tahun 2022 (DPT BLN11/2022) yang diperaku semalam dan diwartakan hari ini, kini dibuka untuk semakan selama 30 hari, bermula hari ini hingga 4 Februari.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Ikmalrudin Ishak dalam kenyataan hari ini, berkata DPT BLN11/2022 mengandungi 41,647 nama warganegara berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh 1 hingga 30 November tahun lalu, yang didaftarkan secara automatik sebagai pemilih baharu.

Beliau berkata, ia turut membabitkan 23,557 pemilih berdaftar yang bertukar bahagian pilihan raya dan 4,174 pemilih bertukar status atau kategori pengundi.

Katanya, SPR menyediakan lima kaedah untuk semakan berkenaan iaitu menerusi portal SPR di <https://www.spr.gov.my> atau <https://mysprsemak.spr.gov.my> dan portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my>.

Selain itu, katanya, semakan juga boleh dilakukan menerusi aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my>, aplikasi mudah alih MySPR Semak dan Hotline Semakan Pendaftaran Pemilih di talian 03-88927218.

"SPR meminta kepada warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh 1 hingga 30 November 2022 dan mana-mana pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya atau pertukaran status, agar menyemak nama mereka dalam DPT BLN11/2022.

"Sekiranya mendapati nama mereka tidak disenaraikan dalam DPT BLN11/2022, mereka boleh membuat tuntutan dengan mengisi Borang C melalui aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan," katanya.

Ikmalrudin berkata, pemilih berdaftar di sesuatu bahagian pilihan raya yang membuat semakan dan berhasrat membuat bantahan ke atas kemasukan nama pemilih yang membuat pertukaran ke bahagian pilihan rayanya, boleh mengisi borang D dan hadir ke pejabat Pilihan Raya Negeri.

Katanya, borang C dan borang D boleh dimuat turun daripada portal Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my> dan perlu dikemukakan kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri berkenaan pada waktu pejabat di hari bekerja sepanjang tempoh semakan DPT BLN11/2022.

Orang ramai boleh melayari portal rasmi SPR di pautan <https://www.spr.gov.my> atau hubungi SPR di talian 03-88927218 atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan semakan DPT BLN11/2022.-

BERNAMA